

11 NOV 1997

PRESIDEN PERANCIS LAWAT MALAYSIA SELAMA DUA HARI

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Presiden Perancis, Jacques Chirac, akan membuat lawatan ke Malaysia selama dua hari mulai Ahad ini sebagai sebahagian dari lawatannya ke negara-negara Asia Tenggara.

Beliau akan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi dan akan disambut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Chirac, yang akan diiringi oleh beberapa orang menteri, termasuk Menteri Luar Hubert Vedrine, akan mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir pada hari Isnin.

Kedua-dua pemimpin dijangka akan menyentuh mengenai isu-isu dua hala dan antarabangsa, termasuk krisis kewangan Asia.

Mereka juga dijangka membangkitkan isu penyiasatan Amerika Syarikat ke atas penglibatan syarikat petroleum negara masing-masing -- Petronas dan Total SA -- di Iran.

Chirac dan Dr Mahathir akan mengadakan sidang media sebelum pemimpin Perancis itu berlepas pulang.

Chirac akan berada di Vietnam mulai esok untuk menghadiri persidangan negara-negara yang menggunakan bahasa Perancis, yang pertama pernah diadakan di Asia. -- BERNAMA

ARA WAT